

**REFLEKSI PEMIKIRAN BAJAU
MENERUSI BAHASA MANTERA**

**SAIDATUL NORNIS HAJI MAHALI
PUSAT PENATARAN ILMU & BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



SINOPSIS

Refleksi Pemikiran Bajau Menerusi Bahasa Mantera

Oleh

**Saidatul Nornis Haji Mahali
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa**

Mantera mempunyai sifat sakral dan tidak boleh diucapkan oleh sebarang orang. Mantera berhubung dengan sikap keagamaan manusia. Dengan demikian, hanya pawang yang berhak dan dianggap sesuai untuk mengucapkan mantera itu. Pengucapannya juga harus disertakan dengan upacara ritual misalnya asap dupa, duduk bersila, ekspresi wajah dan sebagainya. Hanya dengan cara ini mantera mempunyai kekuatan kuasa ghaib. Ada pula yang harus diucapkan secara keras dan ada juga yang banyak berbisik-bisik. Hanya pawang jualah yang mengerti bagaimana mendatangkan kekuatan ghaib melalui mantera. Sehubungan itu, penyelidikan ini bermaksud untuk mengongsi maklumat dan pandangan berkenaan dengan mantera yang dibacakan dalam upacara-upacara sebelum menanam dan selepas penanaman padi dalam masyarakat Bajau. selain itu, dimasukkan juga perbincangan berhubung dengan animisme, semangat padi, bomoh dan jampi mantera. Kesemua mantera yang diperolehi kemudiannya dinilai dari sudut pandangan linguistik antropologi. Hasilnya, kandungan mantera tersebut berupaya menyerlahkan bayangan gambaran dunia, kegiatan, kepercayaan dan sikap masyarakat Bajau.

